



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

S/K.KEW/PK/P/9999/220302/57/87 JLD.13(SJ.12)(14)

8 Julai 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN

PERUBAHAN KADAR HARGA KONTRAK KAWALAN KESELAMATAN BERIKUTAN PENGUATKUASAAN AKTA MAJLIS PENETAPAN GAJI 1947 (PERINTAH PERATURAN GAJI) (SARAAN MINIMUM BERKANUN PENGAWAL KESELAMATAN SWASTA DI SEMENANJUNG MALAYSIA) 2011

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Semenanjung Malaysia) 2011 telah diwartakan dan berkuat kuasa pada 15 Februari 2011. Perintah ini telah memberi implikasi kepada kontrak-kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan yang telah ditandatangani oleh Agensi Kerajaan sebelum Perintah tersebut berkuat kuasa memandangkan harga kontrak semasa tidak mengambil kira saraan minimum Pengawal Keselamatan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

3. Bagi mempercepatkan sistem penyampaian perkhidmatan, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya permohonan perubahan harga bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dipertimbang dan diluluskan di peringkat Lembaga Perolehan 'A' Agensi (LP 'A' Agensi). Dalam menguruskan perubahan kadar harga kontrak berkenaan, Agensi hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:


- (i) kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan bagi Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia yang telah ditandatangani sebelum 15 Februari 2011 dan tempoh kontrak masih berkuat kuasa atau kontrak-kontrak yang ditandatangani pada/selepas 15 Februari 2011 yang tidak mengambil kira kadar saraan minimum dalam Perintah Peraturan Gaji baru;
- (ii) Jawatankuasa Penilaian Perubahan Harga hendaklah ditubuhkan dan dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dengan keahlian terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman/kemahiran berkaitan. Pengerusi Jawatankuasa tersebut hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Jawatankuasa Penilaian Perubahan Harga adalah bertanggungjawab untuk meneliti dan membuat pengiraan ke atas permohonan perubahan kadar harga kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan daripada syarikat kawalan keselamatan mulai 15 Februari 2011 hingga tempoh kuat kuasa kontrak sahaja untuk diperakukan kepada LP 'A' Agensi berdasarkan kepada Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Semenanjung Malaysia) 2011;
- (iii) Agensi hendaklah mengikat satu Perjanjian Tambahan (*Supplemental Contract*) dengan syarikat kawalan keselamatan dengan mengambil kira kadar saraan minimum dalam Perintah baru yang berkuat kuasa; dan
- (iv) Agensi hendaklah menampung perbelanjaan tambahan akibat perubahan harga kontrak dengan menggunakan peruntukan sedia ada.

4. Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh Perintah tersebut dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri